

Headline	SMK Pantai antara 17 sekolah tanam pokok hutan anjuran FRIM		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 846
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,537



SMK Pantai antara 17 sekolah tanam pokok hutan anjuran FRIM

LABUAN: SMK Pantai sekali lagi mencipta kejayaan apabila tersenarai menjadi antara 17 sekolah menengah di seluruh negara yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk menjayakan Program Penanaman Pokok Hutan di Seluruh Sekolah Malaysia yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Ketua Unit Eko pelancongan dan Perhutanan Bandar, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia, Dr Noor Azlin Yahya, berkata pemilihan SMK Pantai adalah disebabkan kesesuaian tanah dan terdapatnya kawasan lapang yang membolehkan projek berkenaan dilaksanakan.

“Pemilihan SMK Pantai untuk menjayakan projek ini diharap akan dapat mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan pokok bagi mengekalkan kualiti alam sekitar bersama-sama dengan 16 buah sekolah yang terpilih di seluruh Negara,” katanya ketika ditemui pada Majlis Perasmian Projek Penanaman Pokok Hutan Di Sekolah Seluruh Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan Labuan di SMK Pantai, pada Khamis.

Majlis dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan, Mistirine Radin.

Hadir sama, Penolong Pengarah Perolehan Tanaman, Jabatan Perhutanan Malaysia, Hamsari Mahmod; Pengetua SMK Pantai, Sahar Misron; Ketua Kampung Pantai, Haji Ahad Ahmad dan Yang Di Pertua Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG), SMK Pantai, Mohd Ibno Suhaili.

Turut hadir untuk menjayakan program itu ialah 20

pelajar dan dua guru dari SMK Seri Nangka Tuaran Sabah yang juga merupakan sekolah yang dipilih untuk projek itu bagi negeri Sabah.

Menurut Azlin, projek yang diadakan di setiap negeri ini adalah sebagai usaha untuk menjadikan Negara Malaysia sebagai sebuah Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020, ia juga selaras dengan kempen penanaman 26 juta pokok hutan yang telah dilancarkan pada tahun 2010.

Beliau berkata, sebanyak 21 pokok hutan daripada beberapa jenis sepsis hutan seperti Jelutung (*Dyera Costulata*), Kuari (*Dammar*), Bintangor (*Calophyllum mastro Coriacium*), Kapur (*Dryobalanos Aromatic*), Gaharu (*Aquillavimala Cesis*) dan Mesua Ferrea (*Ceylon Ironwood*) telah pun dibekalkan untuk ditanam di sekolah ini.

Sementara itu, Mistirine dalam ucapan perasmianya berharap SMK Pantai yang telah diberi amanah untuk melaksanakan projek itu dapat memastikan supaya pokok-pokok yang di tanam itu akan terus hidup sepanjang zaman.

Beliau juga menyarankan kepada pihak sekolah supaya menyediakan papan tanda sebagai peringatan kepada generasi akan datang mengenai sejarah kewujudan pokok-pokok itu di SMK Pantai sekaligus mengelakkan pokok-pokok ini daripada ditebang atau dimusnahkan.

OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainuddin@newsabahtimes.com.my)



KENANGAN ... Mistirine (berdiri tengah) dan Dr Noor Azlin (enam kanan) bergambar kenangan bersama pengetua SMK Pantai, Sahar (tiga kanan) dan beberapa guru sekolah itu sempena pelancaran penanaman pokok-pokok itu.

Headline	SMK Pantai antara 17 sekolah tanam pokok hutan anjuran FRIM		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	15 Sep 2012	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	8	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	426 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 846
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,537



SERTAI ... pelajar SMK Sri Nangka Tuaran yang terlibat menyertai program itu.